

Edisi.01
2024



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



GPMC

Garis Panduan Micro-Credentials

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my

**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**



GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIALS, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ABDULLAH

e ISBN 978-629-98089-1-6



Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe), Universiti Malaysia Pahang Al- Sultan
Abdullah
(online)



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

GARIS PANDUAN MICRO-CREDENTIALS UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Hak Cipta Terpelihara © 2024. Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe), Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Semua bahagian, artikel dan isi kandungan dalam garis panduan ini adalah hak cipta terpelihara milik PSPe UMPSA. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel dan isi kandungan garis panduan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada PSPe atau UMPSA.

Rekabentuk dan diterbitkan oleh:

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur.

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan limpahan rahmat dan hidayah-Nya dalam keadaan yang sihat walafiat. Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T. kerana memberikan kekuatan dan petunjuk dalam penyusunan buku ini.

Buku "Garis Panduan *Micro-Credentials*" yang telah dihasilkan adalah hasil usaha dan kerjasama yang erat dari para ahli akademik dan tenaga pengajar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Saya sangat bersyukur dan bangga menjadi sebahagian daripada ahli yang terlibat dalam penerbitan buku ini bagi membantu para akademik dan tenaga pengajar dalam pembangunan *Micro-Credentials*.

Dalam era globalisasi dan revolusi industri 4.0 seperti sekarang, pembelajaran sepanjang hayat menjadi suatu keperluan dalam menghadapi dunia kerja yang terus berkembang. *Micro-Credentials* menjadi solusi inovatif untuk memberikan kesempatan kepada individu untuk memperoleh keterampilan khusus yang sesuai dengan keperluan industri.

Buku ini dirancang sebagai panduan praktis bagi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dalam mengembangkan dan mengimplementasikan program *Micro-Credentials*. Saya berharap buku ini tidak hanya memberikan pemahaman mendalam tentang konsep *Micro-Credentials*, tetapi juga memberikan panduan yang jelas dan terperinci dalam menyusun kurikulum, menilai pencapaian, dan mengintegrasikan *Micro-Credentials* ke dalam struktur pendidikan tinggi.

Akhir kata, semoga Allah SWT senantiasa memberikan rahmat dan keberkahan-Nya kepada kita semua.

Terima kasih.



Lt. Kol. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
Merangkap Pengerusi JKAA MTUN

GLOSARI

Fakulti	Entiti akademik utama termasuklah fakulti dan pusat akademik ialah pihak berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 24 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang menjalankan pengajaran bagi program-program sijil, diploma, ijazah atau apa-apa kelayakan akademik lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Senat untuk melahirkan graduan dalam apa-apa program pengajian serta menjalankan penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan untuk kecemerlangan keilmuan dan profesionalisme
Jam Pembelajaran Pelajar (JPP) <i>Student Learning Time (SLT)</i>	Jam Pembelajaran Pelajar efektif bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan melalui semua aktiviti pembelajaran termasuk kuliah, pembelajaran sendiri dan proses pentaksiran
Kursus	Komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri dan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran pelajar yang diluluskan oleh Senat
Kursus Terbuka dalam Talian Secara Besar-besaran <i>Massive Open Online Course (MOOC)</i>	Kursus dalam talian bagi tujuan penyertaan interaktif secara besar-besaran dan boleh diakses secara terbuka melalui laman sesawang
Pemindahan Kredit Secara Melintang	Pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang sama
Pemindahan Kredit Secara Menegak	Pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang lebih tinggi
Penganugerahan	Pengesahan Senat ke atas pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan
Penilaian	Sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil
Profesional	kepakaran, kecekapan, kompetensi atau kemahiran dalam bidang tertentu
Program	Bidang pengajian yang diluluskan oleh Senat sebagai program pengajian mengikut mod yang dibenarkan bagi tujuan penganugerahan
Program Profesional	Program terbuka yang ditawarkan kepada individu untuk meningkatkan kompetensi diri dalam profesion tertentu
Senat	Senat Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

SINGKATAN

APEL	<i>Accreditation for Prior Experiential Learning</i> Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu
JAF	Jawatankuasa Akademik Fakulti
JPF	Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti
MC	<i>Micro-Credentials</i>
MF	Mesyuarat Fakulti
MOOC	<i>Massive Open Online Course</i> Kursus Terbuka Dalam Talian
MPU	Majlis Peperiksaan Universiti
MQA	Malaysian Qualifications Agency
PAMC	Program Akreditasi <i>Micro-Credentials</i>
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
SAMC	<i>Stand-Alone Micro-Credentials</i>
SLT	<i>Student Learning Time</i>

ISI KANDUNGAN

1	Tujuan dan Objektif	8
2	Micro-Credentials UMPSA	9
2.1.1	Program Akreditasi Micro-Credentials (PAMC)	9
2.1.2	Stand-Alone Micro-Credentials (SAMC)	9
3	Kaedah Penyampaian, Pembelajaran dan Pentaksiran Micro-Credentials	10
3.1	Penawaran Micro-Credentials	10
3.2	Penyetaraan Gabungan Micro-Credentials Kepada Kursus Dalam Program Akademik	10
4	Elemen Wajib Micro-Credentials	11
5	Rekabentuk Micro-Credentials	12
5.1	Rekabentuk PAMC	12
5.2	Pengesahan Rekabentuk PAMC	14
5.3	Stand-Alone Micro-Credentials (SAMC)	15
5.4	Pembangunan Micro-Credentials bersama rakan kolaborasi/ agensi luar/ industri	16
6	Jaminan Kualiti	17
6.1	Samakan Kualiti Kandungan Micro-Credentials	17
7	Pemindahan Kredit	25
7.1	Syarat Umum Pindah Kredit	25
7.2	Kaedah Pindah Kredit MOOC (CTM)	25
8	Pensijilan	30
8.1	Maklumat Sijil Mikro dan Sijil Makro	30
	Rujukan	32

SENARAI RAJAH

Rajah 4.1: Elemen wajib Micro-Credentials	11
Rajah 5.1: Contoh rekabentuk mengikut jumlah SLT	12
Rajah 5.2: Simulasi rekabentuk dengan tindakan Micro-Credentials mengikut jumlah SLT	13
Rajah 5.3: Contoh pelan pengajaran yang perlu disediakan ketika merekabentuk Micro-Credentials.....	14
Rajah 5.4: Proses kerja penyediaan PAMC UMPSA.....	15
Rajah 5.5: Proses kerja SAMC bersama rakan kolaborasi/ agensi luar/ industri	16
Rajah 6.1: Contoh borang semakan sendiri pembangunan kursus.....	20
Rajah 6.2: Contoh borang penilaian oleh pakar bidang.....	23
Rajah 7.1: Prosedur kerja bagi tuntutan kredit melalui kaedah CTM bagi Micro-Credentials di UMPSA.....	27
Rajah 7.2: Prosedur kerja bagi pindah kredit CTM untuk Micro-Credentials.....	28
Rajah 8.1: Contoh Sijil Mikro	31

1 Tujuan dan Objektif

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi maklumat kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan maklumat tentang dasar, prinsip, dan amalan terbaik dalam merekabentuk, membangunkan, menyampaikan, menjamin kualiti, dan mengiktiraf pembelajaran yang dinilai melalui *Micro-Credentials*. Secara khusus, garis panduan ini bertujuan memudahkan, memperkasakan, dan memberi panduan semua jenis *Micro-Credentials* sama ada sebagai pelengkap, pengganti atau komponen program sedia ada yang ditawarkan oleh UMPSA, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) atau mana-mana penyedia *Micro-Credentials* yang diiktiraf. Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan buku garis panduan yang bertajuk, *Guidelines to Good Practices: Micro-Credentials* (Malaysian Qualifications Agency, 2020).

Garis panduan ini juga menjelaskan dasar dan kaedah terbaik untuk melaksanakan pecahan kecil dari program akademik yang telah mendapat akreditasi atau *Stand-Alone Micro-Credentials* (SAMC) serta dasar pindah kredit bagi tujuan mendapatkan penganugerahan kelayakan akademik.

2 *Micro-Credentials* UMPSA

Micro-Credentials merujuk pensijilan bagi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam bidang tertentu. Ianya direkabentuk daripada komponen program yang diakreditasi oleh MQA atau SAMC bagi menyokong perkembangan profesional, teknikal, akademik dan pembangunan individu dan masyarakat. Definisi ini menekankan beberapa elemen utama *Micro-Credentials* berdasarkan garis panduan ini iaitu:

- a. Pengiktirafan digital;
- b. Pengetahuan, kemahiran atau kompetensi;
- c. Bidang;
- d. Komponen program akademik berakreditasi atau berbentuk SAMC; dan
- e. Memenuhi keperluan pembangunan profesional, teknikal, akademik serta pembangunan individu dan masyarakat.

Micro-Credentials UMPSA secara amnya ialah suatu kursus pembelajaran yang bertujuan mengiktiraf peningkatan kepakaran dan kompetensi spesifik individu terutamanya kemahiran spesifik dalam tempoh yang singkat dan menutup jurang kemahiran (*skills gap*) dan kebanyakannya diakses menerusi pelantar pembelajaran dalam talian. Jumlah SLT bagi satu *Micro-Credentials* dicadangkan adalah antara julat 20 hingga 40 SLT. Walau bagaimanapun, satu *Micro-Credentials* juga boleh dibangunkan tanpa mengikut julat yang ditetapkan mengikut kesesuaian kursus.

2.1 Kategori *Micro-Credentials* UMPSA

Dua (2) kategori *Micro-Credentials* UMPSA adalah seperti berikut:

2.1.1 Program Akreditasi *Micro-Credentials* (PAMC)

Micro-Credentials boleh dibangunkan berdasarkan mana-mana kursus daripada program-program berakreditasi sedia ada untuk memberi peluang kepada pelajar mendaftar dan mengikuti satu atau beberapa kursus tersebut.

Sekiranya pelajar telah menyelesaikan sejumlah *Micro-Credentials* yang setara dengan satu atau lebih kursus dalam program yang telah diakreditasi, pemindahan kredit atau tuntutan kredit boleh dilakukan bagi keperluan sebahagian daripada komponen untuk bergraduasi.

2.1.2 *Stand-Alone Micro-Credentials* (SAMC)

SAMC boleh dihasilkan daripada kursus dalam program akademik yang diiktiraf atau direkabentuk semula berdasarkan keperluan khas majikan, industri atau individu. *Micro-Credentials* ini bertujuan memenuhi keperluan tenaga kerja untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan baharu (sila rujuk MQA, 2020).

3 Kaedah Penyampaian, Pembelajaran dan Pentaksiran *Micro-Credentials*

Kaedah penyampaian, pembelajaran dan pentaksiran *Micro-Credentials* perlu disesuaikan bagi mencapai hasil pembelajaran *Micro-Credentials* tersebut. Kaedah penyampaian pembelajaran dan pentaksiran boleh dilakukan secara dalam talian, fizikal atau gabungan kedua-duanya iaitu hibrid. Kaedah penyampaian pembelajaran dan pentaksiran secara dalam talian menawarkan akses yang lebih luas kepada pelajar tempatan dan antarabangsa, pekerja industri serta masyarakat umum.

3.1 Penawaran *Micro-Credentials*

Micro-Credentials boleh ditawarkan dalam dua (2) mod seperti berikut:

i. Secara berjadual dalam kalendar sistem semester

Penawaran *Micro-Credentials* yang dijalankan akan mengikut sistem semester akademik. Segala pelaksanaan *Micro-Credentials* perlu dinyatakan dalam rancangan pengajaran kursus rasmi. Pelajar perlu mendaftar melalui sistem akademik UMPSA.

ii. Secara tidak berjadual


Penawaran *Micro-Credentials* yang dijalankan sepanjang masa (tidak berjadual). Segala pelaksanaan *Micro-Credentials* perlu dinyatakan dalam rancangan pengajaran kursus rasmi. Pelajar perlu mendaftar melalui sistem akademik UMPSA.

3.2 Penyetaraan Gabungan *Micro-Credentials* Kepada Kursus Dalam Program Akademik

Penyetaraan gabungan *Micro-Credentials* kepada kursus dalam program akademik sedia ada perlu menyamai sekurang-kurangnya 80% kandungan kursus daripada program akademik MQA.

4 Elemen Wajib *Micro-Credentials*

Struktur pengajian pada setiap minggu atau bagi setiap topik perlulah direkabentuk secara efektif dan menarik agar pengalaman pembelajaran pelajar tidak membosankan atau berulang-ulang. Oleh yang demikian, pengalaman pembelajaran secara dalam talian perlu menekankan aspek perhubungan yang baik antara tenaga pengajar dan pelajar yang mengikuti kursus tersebut. Kandungan kursus bagi setiap minggu atau topik perlu merangkumi empat (4) elemen wajib (sila rujuk Rajah 4.1).




Rajah 4.1: Elemen wajib *Micro-Credentials*

5 Rekabentuk *Micro-Credentials*

5.1 Rekabentuk PAMC

PAMC perlu direkabentuk mengikut jumlah SLT yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran. Pecahan nilai jumlah SLT untuk setiap *Micro-Credentials* akademik perlu dipastikan berada dalam julat 20–40 SLT (sila rujuk Rajah 5.1).




Rajah 5.1: Contoh rekabentuk mengikut jumlah SLT

Tindakan (*stacking*) beberapa *Micro-Credentials* dengan jumlah SLT yang berbeza boleh digunakan dalam proses rekabentuk pecah kecil sesuatu kursus. Simulasi rekabentuk pecah kecil (*unbundle*) kursus dengan tindakan *Micro-Credentials* mengikut jumlah SLT yang berbeza adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 5.2. Jumlah besar SLT hasil daripada tindakan *Micro-Credentials* hendaklah menyamai jumlah SLT yang sepadan dengan jumlah kredit bagi sesuatu kursus.

Simulasi: 1



Simulasi: 2



Simulasi: 3



Simulasi: 4



Rajah 5.2: Simulasi rekabentuk dengan tindanan *Micro-Credentials* mengikut jumlah SLT

Pembangun PAMC perlu memastikan kaedah pentaksiran dan penggubalan soalan menepati aras pentaksiran yang telah ditetapkan dalam pelan pengajaran kursus yang dipecahkecilkan. Pembangun juga perlu menyediakan pelan pengajaran khas bagi SAMC seperti contoh yang ditunjukkan pada Rajah 5.3. Pentaksiran yang digunakan dalam PAMC perlu melalui proses penilaian oleh Jawatankuasa *Vetting* peringkat fakulti atau pusat.

SAMC Course Description							
Name of the SAMC Provider:	e.g., IR4.1 Holdings Sdn. Bhd.						
Name of the SAMC	As in the Malaysian Micro-Credential Statement to be provided – MC in Website Design						
MQF level/levels	The SAMC in terms of ILO has the range and, complexity of learning that best fits one or more of the 8 levels in the MQF						
Duration (in hours)	Total expected learning time (LT)						
Classification of knowledge, skills or attitude	e.g., Management, leadership, Finance, banking, Islamic Finance, ECE						
Language of Instruction	English, Bahasa Malaysia						
Method of Instruction and learning	(e.g., presentation/ workshop/ seminar/tutorial/lab/field work/studio/blended learning/online learning):						
Academic Credits	e.g., 1, 1.5 (computation to be attached)						
Prior knowledge/experience	Academic qualifications or prior experience or knowledge requirements, if any:						
SAMC Course Outline							
SAMC Synopsis							
SAMC Intended learning outcomes							
Instructor/s							
Course Content Outline	CLO*	Instructional and Learning Activities					Total LT
		Guided Instruction (F2F)				Guided Instruction e.g., online learning	
	Presentation	Workshop	Practical	Others			
	CLO 1						
Continuous Assessment	Percentage (%)					Independent Learning	Total LLT
Final Assessment	Percentage (%)					Independent Learning	Total LT
TOTAL LEARNING TIME (LT)							


Rajah 5.3: Contoh pelan pengajaran yang perlu disediakan ketika merekabentuk *Micro-Credentials*

5.2 Pengesahan Rekabentuk PAMC

Rekabentuk, kaedah dan aras pentaksiran yang digunakan dalam PAMC yang dihasilkan secara dalaman perlu dibentangkan dan mendapat kelulusan peringkat Jawatankuasa Akademik Fakulti dan diperakukan oleh Majlis Fakulti sebelum proses pembangunan kursus bermula. Pembangun kursus terdiri daripada staf akademik UMPSA. Rajah 5.3 menunjukkan proses kerja penyediaan PAMC di UMPSA.

5.4 Pembangunan *Micro-Credentials* bersama rakan kolaborasi/ agensi luar/ industri

SAMC direkabentuk mengikut kriteria yang telah digariskan dalam proses kerja seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.4



Rajah 5.5: Proses kerja SAMC bersama rakan kolaborasi/ agensi luar/ industri

6 Jaminan Kualiti

6.1 Semakan Kualiti Kandungan *Micro-Credentials*

Kandungan *Micro-Credentials* yang telah lengkap dibangunkan perlu melalui beberapa proses semakan kualiti seperti berikut:

- i. Semakan sendiri dilakukan oleh pembangun *Micro-Credentials* setelah proses pembangunan selesai sepenuhnya (sila rujuk Rajah 6.1).

SEMAKAN KENDIRI PEMBANGUNAN KURSUS / MODUL

Arahan: Borang ini perlu diisi oleh pembangun kursus.

SEKSYEN A: MAKLUMAT PEMBANGUN KURSUS / MODUL

NAMA PENUH *

Sila masukkan nama penuh anda.

E-MEL RASMI *

example@ump.edu.my

NOMBOR TELEFON *

Sila masukkan nombor telefon yang boleh dihubungi.

FAKULTI / PUSAT *

Sila masukkan fakulti / pusat anda.



SEKSYEN B: MAKLUMAT KURSUS / MODUL

NAMA KURSUS / MODUL *

Nama kursus / modul yang dibangunkan.

LANDING PAGE: SEBELUM PENDAFTARAN *

	ADA	TIADA
2.1 LOGO	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Logo UMP atau logo rakan kolaborasi bersaiz 160pxl X 160pxl (vertical) atau 250pxl X 150pxl (horizontal)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.1.2 TAJUK MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tajuk ringkas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.2.4 MAKLUMAT FASILITATOR / KUMPULAN PAKAR PENGAJAR	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Gambar bersaiz 300pxl X 300pxl	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Format JPEG atau PNG	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Maklumat perhubungan (email, nombor telefon dan maklumat bersesuaian)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pautan ke expert directory	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

LAMAN KURSUS / MODUL: SELEPAS PENDAFTARAN *

	ADA	TIADA
2.1.2 TAJUK MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tajuk ringkas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.2 MAKLUMAT MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sinopsis ringkas tidak melebihi 100 patah perkataan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.2.4 MAKLUMAT FASILITATOR / KUMPULAN PAKAR PENGAJAR	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

2.4.2 VIDEO PENGENALAN MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Berdurasi minimum 1 minit dan tidak melebihi 2 minit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Resolusi video (1920 x 1080 pixel)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai video intro UMP	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pengenalan ringkas berkaitan modul pembelajaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penyataan hasil pembelajaran modul	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ilustrasi yang menarik minat kumpulan sasaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Menggunakan warna rasmi UMP pada elemen reka bentuk, contohnya text, garisan, bentuk dan lain-lain.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai video outro UMP	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.4.3 VIDEO KANDUNGAN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Berdurasi minimum 10 minit dan tidak melebihi 15 minit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Resolusi video (1920 x 1080 pixel)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai audio yang jelas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai teks dan saiz tulisan yang jelas dan bersesuaian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ilustrasi yang menarik minat kumpulan sasaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kaedah pengajaran yang menarik dan interaktif (contoh : slaid interaktif)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penyataan sumber rujukan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Menggunakan warna rasmi UMP pada elemen reka bentuk, contohnya text, garisan, bentuk dan lain-lain.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai video outro UMP	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.6 HAK CIPTA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penyataan hak cipta	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sitasi yang menepati ketetapan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Rajah 6.1: Contoh borang semakan sendiri pembangunan kursus

- ii. Semakan penilaian oleh pakar bidang yang dilakukan oleh penilai mengikut bidang kepakaran sebelum *Micro-Credentials* ditawarkan (sila rujuk Rajah 6.2).

BORANG PENILAIAN KURSUS / MODUL

Arahan: Borang penilaian ini perlu diisi oleh penilai kursus. Mohon penilai kursus untuk menyemak kandungan kursus / modul ketika membuat penilaian.

SEKSYEN A: MAKLUMAT PENILAI KURSUS / MODUL

NAMA PENUH *

Sila masukkan nama penuh anda.

E-MEL RASMI PENILAI *

example@ump.edu.my

NOMBOR TELEFON *

Sila masukkan nombor telefon yang boleh dihubungi.

FAKULTI / PUSAT *

Sila masukkan fakulti / pusat anda.

SEKSYEN B: PENILAIAN KURSUS / MODUL

NAMA MODUL / KURSUS *

Nama kursus / modul yang dibangunkan.

E-MEL RASMI PEMBANGUN KURSUS *

example@ump.edu.my

NAMA PENUH PEMBANGUN KURSUS *

Sila masukkan nama penuh anda.

LANDING PAGE: SEBELUM PENDAFTARAN *

	Ada	Tiada
2.1.2 TAJUK MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tajuk mempunyai maksud yang jelas.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.2 MAKLUMAT MODUL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sinopsis modul jelas.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Hasil pembelajaran modul jelas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Cadangan tempoh masa pembelajaran yang munasabah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kaedah pembelajaran yang jelas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.2.4 MAKLUMAT FASILITATOR / KUMPULAN PAKAR PENGAJAR	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Gambar yang bersesuaian meningkatkan rappot.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Ringkasan berkaitan modul yang jelas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Penyataan sumber rujukan yang terkini dan relevan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.4.3 VIDEO KANDUNGAN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai audio yang jelas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Mempunyai teks dan saiz tulisan yang jelas dan bersesuaian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ilustrasi yang menarik minat kumpulan sasaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Kaedah pengajaran yang menarik dan interaktif (contoh : slaid interaktif)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.6 HAK CIPTA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sitasi yang menepati ketetapan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>


KEPUTUSAN PENILAIAN *

Memenuhi Kriteria Penilaian
 Memerlukan Penambahbaikan


PENGESAHAN

* Saya dengan ini mengesahkan kursus / modul telah disemak dengan sepenuhnya berdasarkan kriteria dan arahan yang telah ditetapkan.

SIGNATURE (Insert your digital signature here) *


Browse and Preview an Image
 Drag and drop your image here

OFFICIAL STAMP (Insert your official stamp here) *


Browse and Preview an Image
 Drag and drop your image here

Submit

Rajah 6.2: Contoh borang penilaian oleh pakar bidang

- iii. Semakan yang dilakukan oleh penilai luar yang dilantik oleh fakulti. Sekiranya kursus yang dibangunkan melibatkan badan profesional, pihak fakulti perlu melantik penilai luar yang bertauliah. Pihak fakulti disarankan untuk menyediakan borang penilaian mengikut rubrik yang sesuai untuk dilengkapi oleh penilai luar.

7 Pemindahan Kredit

Sijil *Micro-Credentials* perlu ditindankan (*stacking*) untuk satu kursus lengkap bagi membolehkan proses pindah kredit dilakukan mengikut kaedah *Credit Transfer MOOC (CTM)*. Tempoh sah laku *Micro-Credentials* adalah sehingga tiga (3) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan. Kaedah pindah kredit adalah mengikut kaedah CTM (MQA, 2016) atau Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit iaitu *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL C)*. Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan untuk kursus dalam program akademik melalui proses berdasarkan satu atau gabungan *Micro-Credentials* yang berada pada tahap yang sama, kredit setara dan sesuai dengan hasil pembelajaran kursus yang dipilih merujuk kepada syarat umum pindah kredit.

7.1 Syarat Umum Pindah Kredit

Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:

- a. Gred lulus iaitu:
 - i. Gred minimum iaitu gred C (prasiswazah);
 - ii. Gred minimum B (pascasiswazah); dan
 - iii. Tuntutan kredit (sekurang-kurangnya gred D).
- b. Jumlah SLT *Micro-Credentials* hendaklah menyamai jumlah SLT kursus bagi program di PPT penerima.
- c. Kandungan kurikulum *Micro-Credentials* hendaklah sekurang-kurangnya 80% setara dengan kursus yang hendak dipindah kredit.
- d. *Micro-Credentials* yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi, termasuklah akreditasi sementara dan pengiktirafan daripada badan yang berautoriti di negara berkenaan atau yang diiktiraf oleh UMPSA.
- e. *Micro-Credentials* yang tidak mendapat pengiktirafan badan akreditasi atau mana-mana badan yang berautoriti perlulah melalui proses penilaian yang ketat pada peringkat fakulti.
- f. Sijil Mikro perlu ditindankan untuk membentuk satu kursus lengkap bagi membolehkan proses pindah kredit dilakukan mengikut kaedah CTM.

7.2 Kaedah Pindah Kredit MOOC (CTM)

Kaedah CTM boleh dilakukan dalam dua (2) cara berikut:


- a. Secara menegak iaitu pemindahan kredit daripada peringkat rendah kepada peringkat yang lebih tinggi dengan mengambil kira kredit sahaja.

- b. Secara melintang iaitu pemindahan kredit daripada program peringkat kelayakan yang setara iaitu daripada sijil kepada sijil, daripada diploma kepada diploma dan daripada sarjana muda kepada sarjana muda.

Catatan:


Pemindahan kredit secara melintang mengikut kaedah CTM hendaklah dilaksanakan pada tahap kelayakan *Malaysian Qualifications Framework (MQF)* yang sama dengan mengambil kira jumlah kredit bersama gred tertakluk kepada kelulusan fakulti.

Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan hasil pembelajaran Sijil Makro MOOC dengan sesuatu kursus yang lengkap. Pelajar yang berjaya menamatkan *Micro-Credentials* UMPSA layak memohon CTM secara menegak atau melintang tanpa proses verifikasi oleh fakulti/ pusat. Prosedur kerja bagi kaedah CTM di UMPSA adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.1.



Rajah 7.1: Prosedur kerja bagi tuntutan kredit melalui kaedah CTM bagi *Micro-Credentials* di UMPSA

Pelajar yang berjaya menamatkan *Micro-Credentials* di institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf atau SAMC melalui pelantar dalam talian yang mendapat sijil yang telah diperakui, memenuhi syarat SLT dan mencapai hasil pembelajaran yang setara perlulah melalui proses verifikasi (sama ada melalui proses temubual, ujian bertulis dan lain-lain) dan diluluskan di peringkat fakulti sebelum pindah kredit CTM secara menegak atau melintang boleh dilaksanakan. Prosedur kerja bagi kaedah CTM daripada luar adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.2.



Rajah 7.2: Prosedur kerja bagi pindah kredit CTM untuk *Micro-Credentials*

Bagi mendapat penganugerahan program akademik di UMPSA, pelajar dibenarkan memindah kredit daripada institusi luar tidak melebihi 30% jumlah kredit bagi program tersebut. Jumlah kredit yang boleh diluluskan bagi tujuan pemindahan kredit melalui APEL C, MOOC dan *Micro-Credentials* adalah tidak melebihi 60% daripada jumlah kredit bergraduat program yang sedang diikuti (UMP, 2021). Pindah kredit maksimum 60% masih dikekalkan bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan APEL C, MOOC dan *Micro-Credentials*.

8 Pensijilan

Sijil mikro dalam bentuk digital akan dianugerahkan kepada pelajar yang telah berjaya mencapai tahap kecekapan serta gred minimum atau markah lulus dalam pentaksiran sesuatu *Micro-Credentials*. Sijil mikro lazimnya bersifat tindanan (stacking) dan dibenarkan untuk pindah kredit daripada/ kepada program-program yang relevan. Permarkahan dan pengredan untuk sijil mikro adalah mengikut peraturan akademik UMPSA.

Sijil Mikro bagi tujuan pemindahan kredit kepada program akademik yang telah diberi akreditasi perlu memenuhi polisi akreditasi MQA, badan akreditasi berkaitan serta mendapat kelulusan Senat. Had umur minimum pada tarikh graduasi adalah tertakluk kepada *Guidelines to Good Practices: Micro-Credentials* (MQA, 2020).

8.1 Maklumat Sijil Mikro

Sijil Mikro perlu mengandungi sekurang-kurangnya maklumat-maklumat berikut:

- i. Nombor siri;
- ii. Nama pelajar/ peserta;
- iii. No. kad pengenalan/ passport;
- iv. Perincian nama, tahap kecekapan dan hasil pembelajaran mikro yang telah dicapai;
- v. Tahap sijil (asas/ pertengahan/ lanjutan);
- vi. Bahasa pengantar;
- vii. SLT;
- viii. Jenis pentaksiran;
- ix. Gred yang dicapai;
- x. Tandatangan pengesahan sijil oleh:
 - i. UMPSA yang ditandatangani oleh dekan fakulti; dan
 - ii. Rakan kolaborasi atau agensi luar oleh ketua organisasi tersebut.
- xi. Tarikh pengesahan; dan
- xii. Pejabat yang boleh dihubungi serta kod QR bagi tujuan verifikasi.

Contoh Sijil Mikro adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 8.1



No siri : UMPSAMC230323-03

SIJIL MIKRO

MAKLUMAT PELAJAR

NAMA : MUHAMMAD ADAM BIN AHMAD
NO.KP : 920517-04-5225
NO. PASSPORT : TIADA

MAKLUMAT SIJIL

NAMA SIJIL MIKRO : Air Law and UAS Regulatory Requirement

HASIL PEMBELAJARAN : Describe UAS terms accurately, such as vLOS, BVLOS, assemblies of people, and uninvolved persons. (C1)


TAHAP SIJIL (ASAS/PERTENGAHAN/LANJUTAN)	Professional Certificate
BAHASA PENGANTAR	Bahasa Inggeris
JAM PEMBELAJARAN	20 Jam
JENIS PENAKSIRAN	Kuiz
GRED	A

SENARAI LENCANA DIGITAL YANG TELAH DIPEROLEHI :

-  Common terminology
-  Regulators
-  Occurrence Reporting
-  Insurance

Pengesahan Oleh :

Professor Madya Ts. Dr. Ahmad Azizi Bin Muhammad
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



Rajah 8.1: Contoh Sijil Mikro

Rujukan

PERATURAN AKADEMIK PROGRAM ASASI, PRA DIPLOMA, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA). (2023). Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Guidelines to Good Practices: *Micro-Credentials* First Edition 2020. (2020). Malaysian Qualifications Agency.

Micro-Credentials (GGP:*Micro-Credentials*). (2020). MQA.

GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: QUALITY VERIFICATION OF STAND-ALONE MICROCREDENTIALS. (2022).

